

Home > Perlis, Sarawak dan Labuan beralih ke Fasa 3 Rabu ini



Muhyiddin

## Perlis, Sarawak dan Labuan beralih ke Fasa 3 Rabu ini

Oleh NOR IDAYU BOSRO - 2 Ogos 2021, 6:52 pm



PETALING JAYA – Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang bermesyuarat hari ini mengumumkan tiga negeri iaitu Perlis, Sarawak dan Wilayah persekutuan Labuan akan beralih ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuatkuasa pada 4 Ogos ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, peralihan ke Fasa 3 adalah berdasarkan prestasi yang amat baik ditunjukkan ketiga-tiga negeri berkenaan dalam mencapai nilai ambang bagi setiap indikator yang ditetapkan dalam PPN.

"Alhamdulillah, suka-suka ingin saya umumkan bahawa tiga buah negeri yang menunjukkan prestasi yang amat baik akan beralih ke Fasa 3 PPN iaitu Perlis, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuatkuasa Rabu, 4 Ogos 2021.

"Tahniah dan syabas saya ucapkan. Suka untuk saya mengingatkan agar prosedur operasi standard (SOP) dan peraturan yang telah ditetapkan terus dipatuhi dan semua usaha untuk menambahbaik situasi pandemik di negeri masing-masing diteruskan," kata Muhyiddin dalam satu kenyataan di Facebook rasminya sebentar tadi.

Beliau juga berharap dengan kerjasama semua pihak di seluruh negara, lebih banyak negeri akan dapat bergerak ke fasa seterusnya.

"Kita harus optimis dan terus bergerak ke hadapan supaya pemulihan negara dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan selamat," katanya. – KIONLINE

"Zakat Konsisten, Asnaf Terbela"  
Potongan Zakat Bulanan Anda Dapat membantu Lebih 27,000 Keluarga Asnaf Setiap Bulan  
[KLICK DI SINI UNTUK DAFTAR](#)

HANYA 13 SEN SEHARI  
Akses kandungan digital premium [www.kosmo.com.my](#)  
Taruhan minimum setiap hari  
Harga Premium RM50\* setahun  
Harga Biasa RM118.80 setahun

**POPULAR**

Cuma 2,075 penjawat awam potong gaji untuk wakaf  
3 Ogos 2021, 11:57 am

KPKT sasar 1 PPR, 1 kebun komuniti  
3 Ogos 2021, 11:54 am

Tujuh parit dibina selepas pokok hutan ditanam di HSK

Siasat pencemaraan parit Paya Mahang  
3 Ogos 2021, 11:49 am

**1 TAHUN SAMBUTAN**  
**Paket Sambutan ULANG TAHUN**  
**53 Juta\***  
POTENSI CAPIAAN PELANGGAN DI SEMUA PLATFORM